



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

**22 DAN 24 FEBRUARI 2025
(SABTU DAN ISNIN)**

Buang sisa babi: JPVNS laksana proses nyahkuman

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Berita	Online	22 Feb



Proses nyah kuman dijalankan di kawasan pembuangan sisa babi Kampung Baru Site A, Tanah Merah, Port Dickson.

SEREMBAN - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS) telah melaksanakan aktiviti nyahkuman di lokasi pembuangan sisa babi haram yang dikesan di kawasan Site A Tanah Merah, Port Dickson pada 13 Februari lalu.

JPVNS dalam kenyataan memaklumkan, tindakan itu dilakukan bagi mengelakkan penyebaran penyakit haiwan. Menurutnya, pihaknya menerima aduan daripada orang

ramai berkaitan bau busuk dan potensi risiko kesihatan akibat pembuangan sisa babi itu

“Hasil pemeriksaan yang dilakukan oleh JPVNS pada jam 3 petang di lokasi mendapati terdapat beberapa lubang yang digunakan untuk menanam sisa babi dan ada sisa yang ditarik keluar oleh haiwan liar.

"Ketua kampung telah dinasihatkan untuk menasihati pemilik tanah supaya menutup lubang itu dengan segera bagi mengelakkan penyebaran penyakit yang berpotensi disebabkan oleh haiwan liar yang memakan atau menarik sisa babi terbabit," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Jelasnya, walaupun tiada undang-undang secara langsung yang mengawal aktiviti pembuangan sisa babi secara haram, langkah sanitasi dan pemantauan terhadap pemindahan khinzir tanpa permit akan terus dilaksanakan.

Tambahnya, amaran tegas turut diberikan kepada pemilik tanah agar tidak mengulangi kesalahan tersebut dan tindakan undang-undang akan diambil sekiranya kejadian serupa berulang lagi.

Buang sisa babi: JPVNS ambil langkah proaktif sekat penyebaran penyakit

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	Online	22 Feb



Lokasi yang dipercayai menjalani aktiviti pemprosesan bangkai babi secara haram di Kampung Baru Site A, Port Dickson.

SEREMBAN – Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS) melakukan aktiviti nyahkuman di Site A, Tanah Merah, Port Dickson, dekat sini sebagai langkah proaktif yang diambil susulan kes pembuangan sisa babi di lokasi terbabit pada 13 Februari lalu.

JPVNS dalam satu kenyataan memaklumkan, tindakan itu bagi mengelakkan penyebaran penyakit haiwan berkenaan merebak di kawasan sempadan khususnya di Selangor selain menghalang aktiviti pemindahan khinzir secara haram di kawasan berkenaan.

Menurut JPVNS, pihaknya menerima aduan daripada orang ramai berkaitan bau busuk dan potensi risiko kesihatan akibat pembuangan sisa khinzir di kawasan Site A, Tanah Merah, Port Dickson pada 13 Februari lalu.

“Hasil siasatan pihak jabatan mengesahkan kewujudan beberapa lubang yang digali untuk tujuan tersebut di kawasan berkenaan.

“Susulan itu, satu pertemuan antara JPVNS dengan Ketua Kampung Taman Jimah Indah diadakan dan hasil pemeriksaan pada pukul 3 petang hari sama, mendapati beberapa lubang digunakan untuk menanam sisa babi dan terdapat sisa yang ditarik keluar oleh haiwan liar,” katanya dalam kenyataan.

Sehubungan itu, ujarinya, ketua kampung diminta untuk menasihatkan pemilik tanah agar menutup lubang dengan segera bagi mengelakkan penyebaran penyakit yang berpotensi disebabkan oleh haiwan liar yang memakan atau menarik sisa khinzir berkenaan.

“Satu perbincangan seterusnya telah diadakan oleh pihak JPVNS untuk menentukan tindakan selanjutnya dan langkah-langkah sanitasi serta pemantauan terhadap pemindahan khinzir tanpa permit dilaksanakan,” jelasnya. - KOSMO! ONLINE

Aduan pembuangan sisa babi: JPVNS laksana proses nyah kuman

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Nasional	Online	24 Feb



SEREMBAN: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS) telah melaksanakan proses nyahkuman di Kampung Baru Site A, Tanah Merah, Port Dickson susulan pengesanan berlakunya pembuangan sisa babi di lokasi terbabit pada 13 Februari lalu. JPVNS dalam kenyataan memaklumkan, tindakan itu bagi mengelakkan penyebaran penyakit haiwan berkenaan merebak di kawasan sempadan khususnya di Selangor selain menghalang

aktiviti pemindahan babi secara haram di kawasan berkenaan. Menurut kenyataan itu, JPVNS menerima aduan daripada orang ramai berkaitan bau busuk dan potensi risiko kesihatan akibat pembuangan sisa babi itu. “Hasil siasatan pihak jabatan, mengesahkan kewujudan beberapa lubang yang digali untuk tujuan tersebut di kawasan berkenaan.

“Susulan itu, satu pertemuan antara JPVNS dengan Ketua Kampung Taman Jimah Indah diadakan dan hasil pemeriksaan pada hari yang sama, mendapati beberapa lubang digunakan untuk menanam sisa babi dan terdapat sisa yang ditarik keluar oleh haiwan liar.

“Ketua kampung terbabit diminta untuk menasihatkan pemilik tanah agar menutup lubang dengan segera bagi mengelakkan penyebaran penyakit yang berpotensi disebabkan oleh haiwan liar yang memakan atau menarik sisa babi berkenaan,” katanya.

Veterinar nyahkuman lokasi pembuangan sisa babi haram di Port Dickson

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TheSun.my	Berita	Online	22 Feb



SEREMBAN: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS) melaksanakan aktiviti nyahkuman di lokasi pembuangan sisa babi haram di kawasan Site A Tanah Merah, Port Dickson pada 13 Feb lepas. JPVNS dalam kenyataan memaklumkan tindakan itu dilakukan bagi mengelakkan penyebaran penyakit haiwan yang dikorek oleh haiwan liar lain di lubang buangan sisa babi itu.

“Hasil pemeriksaan yang dilakukan oleh JPVNS pada 3 petang

mendapati terdapat beberapa lubang yang digunakan untuk menanam sisa babi dan ada sisa yang ditarik keluar oleh haiwan liar. “Kami telah meminta ketua kampung untuk menasihati pemilik tanah supaya menutup lubang itu dengan segera bagi mengelakkan penyebaran penyakit yang berpotensi disebabkan oleh haiwan liar yang memakan atau menarik sisa babi terbabit,” menurut kenyataan itu di sini hari ini.

JPVNS menjelaskan walaupun tiada undang-undang secara langsung yang mengawal aktiviti pembuangan sisa babi secara haram, langkah sanitasi dan pemantauan terhadap pemindahan khinzir tanpa permit akan terus dilaksanakan.

Amaran tegas turut diberikan kepada pemilik tanah supaya tidak mengulangi kesalahan itu dan tindakan undang-undang akan diambil sekiranya kejadian serupa berulang, menurut kenyataan itu.

Terdahulu, pada 13 Feb lepas, JPVNS menerima aduan mengenai bau busuk dan potensi risiko kesihatan akibat pembuangan sisa khinzir di kawasan berkenaan dan siasatan dijalankan mengesahkan kewujudan lubang untuk tujuan itu.

Penyakit misteri bunuh 2,500 ayam di India

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Dunia	34	24 Feb

Penyakit misteri bunuh 2,500 ayam di India

NEW DELHI – Kira-kira 2,500 ekor ayam mati dalam tempoh tiga hari akibat penyakit misteri yang merebak di beberapa ladang ternakan di negeri Telangana, lapor stesen penyiaran NDTV kelmarin.


Pegawai Veterinar dan Penternakan Daerah Wanaparthi, K Venkateshwar berkata, kematian itu direkodkan di ladang-ladang ternakan ayam kawasan perbandaran Konnur.

“Kami telah mengambil sampel untuk dibawa ke makmal.

“Kematian direkodkan selama tiga hari bermula 16 Februari dengan 117 ayam mati, diikuti 300 ayam dan selebihnya pada 18 Februari lalu,” katanya.

Minggu lalu, kerajaan negeri Andhra Pradesh mempergiatkan usaha mengekang penularan selesema burung dengan melaksanakan langkah-langkah pembendungan ketat.

Menteri tempatan, Kinjarapu Atchannaidu menjelaskan bahawa orang ramai tidak perlu bimbang berikutan penularan wabak itu. – AGENSI



GAMBAR fail menunjukkan ayam di sebuah ladang ternakan.

– INDIA TODAY

Give shelter dogs homes, says Klang mayor

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	News	4	24 Feb

Give shelter dogs loving homes, says Klang mayor



Abd Hamid says MBDK hopes people will adopt the dogs.

By EDWARD RAJENDRA
edward@thestar.com.my

KLANG Royal City Council (MBDK) has dogs available for free adoption.

"Our Health Department canine unit takes dogs off the streets and rehomes them through our free adoption initiative," says Klang mayor Datuk Abd Hamid Hussain.

He said most of the canines were brought in after receiving public complaints and quarantined for a week.

"Our dog shelter at Bandar Sultan Suleiman in Port Klang is a safe haven for lost dogs," he added.

If owners of the dogs brought to the shelter do not claim them in seven days, the animals will be put up for adoption.

Abd Hamid said adopting the canines would make a big difference to hundreds of strays that needed help.

"Currently, our Canine Unit has rounded up 139 stray dogs as of Feb 18.

"Most of these dogs are friendly and need a caring home and MBDK hopes people will adopt them instead of buying," he said.

"Once the potential owner has selected a dog at the council's shelter, he or she has to go to our Health

Department to register their personal details.

"The dog is then given to the new owner to be vaccinated.

"Once the vaccination is completed the owner will pay RM10 for a dog licence tag," he said, adding that all dogs, four months and older, in the city must be licensed.

Abd Hamid said MBDK held weekly events in neighbourhoods where vaccinations for dogs are offered at half price, and encouraged residents to take advantage of the offer.

"Efforts are being made to ensure the animal gets a good home and reduce the stray overpopulation."

Tidak Mahu Che Tam menangis kali ke kedua

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	14	24 Feb

Tidak mahu Che Tam menangis kali kedua

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
shofi.isa@mediamulia.com.my

KUANTAN: Tidak mahu melihat anak kesayangannya, Nurul Afina Aqila Azman, 11, menangis buat kali kedua, si bapa meningkatkan langkah pengawasan di kandang kerbaunya di ladang sawit Felda Lepar Hilir 2 di sini, bagi mengelak kecurian berulang.

Azman Umar, 34, berkata, Nurul Afina Aqila atau mesra di panggil Che Tam menangis selama seminggu pada April 2020 apabila kerbau kesayangannya yang diberi nama 'Atan' dicuri.

"Ketika itu saya sendiri pun sedih lihat Che Tam asyik menangis mengenangkan kerbaunya. Jadi, bagi mengelak ia berulang, saya memasang kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan kandang. Saya juga mengupah pekerja ladang di situ untuk menjaga kandang.

"Ketika musim perayaan, saya sendiri tidur di kawasan kandang. Ketika cuti, Che Tam dan isteri saya pun tidur di ladang," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Semalam, *Mingguan Malaysia* menyiarkan kisah Che Tam yang tidak gentar bermain dan tidur di atas kerbau sejak usianya tiga tahun.

Di kala kanak-kanak lain seusianya leka bermain gajet dan menonton rancangan kartun di televisyen, namun tidak bagi Nurul Afina Aqila yang lebih gemar menghabiskan masanya bersama haiwan berkenaan.

Langsung tidak kekok, malah



CHE Tam menemani Bantut untuk makan pada setiap petang di kandangnya di Felda Lepar Hilir 2, Kuantan, Pahang. - UTUSAN/SHAIKH AHMAD RAZIF

“

Ketika itu saya sendiri pun sedih lihat Che Tam asyik menangis mengenangkan kerbaunya.”

si kecil berkenaan nampaknya begitu manja dan seakan-akan mempunyai 'pertalian' cukup istimewa dengan haiwan tersebut terutama kerbau kesayangannya yang diberikan nama 'Bantut'.

Che Tam dilihat begitu lincah dan tidak kekok mengendalikan kira-kira 30 ekor kerbau seperti pengembala berpengalaman di kandang keluarga di ladang kelapa sawit Felda Lepar Hilir 2.

Azman berkata, kejadian kecurian kerbau pada April 2020 tersebut merupakan kali pertama berlaku dan tiada lagi selepas itu.

Sementara itu, datuk Che Tam, Umar Haron, 65, juga tidak mahu lagi melihat cucu kesayangannya itu menangis buat kali kedua.

"Selepas Atan hilang, saya membeli Bantut sebagai ganti. Selepas itu Che Tam tidak lagi menangis dan mesra seperti sahabat dengan Bantut sehingga kini," katanya.

Vet Dept disinfects illegal pig waste site

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Sun	Nasional	4	24 Feb

Vet Dept disinfects illegal pig waste site

PORT DICKSON: The Negeri Sembilan Veterinary Services Department conducted a disinfection operation at an illegal pig waste dumping site in Site A, Tanah Merah on Feb 13.

The department said in a statement the action was taken to prevent the spread of animal diseases caused by wild animals digging through waste from the site.

"An inspection conducted by the department at 3pm found several pits used to bury pig waste, with some remains scattered by wild animals.

"We advised the village head to ask the landowner to fill the pits immediately to prevent possible spread of diseases caused by wild animals consuming or dragging the pig waste."

The department said although there are no laws on illegal pig waste disposal, sanitation measures and monitoring pig transport without permits will continue to be enforced. – Bernama

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR